

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN INISIATIF “CORPORATE SOCIAL  
RESPONSIBILITY” (CSR) PEMBAIKAN TABIKA KEMAS  
OLEH ANAK SYARIKAT MILIKAN KEMENTERIAN/AGENSI DI  
BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH (KKLW) DAN “GOVERNMENT LINKED COMPANIES”  
(GLC)**

**TABIKA KEMAS KG. GUAR, DUN MANONG,  
PARLIMEN KUALA KANGSAR, PERAK**

**5 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Yang Berhormat Datin Mastura binti Yazid  
Ahli Parlimen Kuala Kangsar,

Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,

Yang Berhormat Dato' Saarani bin Mohamad  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Perladangan,  
Penerangan dan Pembangunan Modal Insan Kerajaan Negeri Perak

Yang Berhormat Mohamad Kamil bin Shafie,  
Ahli Dewan Undangan Negeri Manong,

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) KKLW

Yang Berusaha Tuan Haji Amiruddin bin Ariffin  
Ketua Pengarah KEMAS

Pegawai Daerah Kuala Kangsar,

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Ketua-Ketua Pengarah dan Pengurus-Pengurus Besar Agensi,

Pengerusi-pengerusi dan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat  
Kementerian, Agensi dan GLC,

Seterusnya Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
Sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah Segala puji kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah izin-Nya, maka dapat kita sama-sama berkumpul dalam majlis yang amat bermakna pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan para hadirin dalam satu lagi program inisiatif anjuran Kementerian dalam merealisasikan agenda transformasi luar bandar.
3. Di kesempatan ini saya juga mengalu-ngalukan kehadiran semua agensi di bawah Kementerian dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah menyumbang kepada pelaksanaan Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Pembaikan Tabika KEMAS.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

### **A) “PROGRAM TRANSFORMASI TABIKA KEMAS BERPRESTASI TINGGI (TBT) SEBAGAI PILIHAN UTAMA IBUBAPA”**

4. Pendidikan adalah amat dekat di hati saya kerana pembangunan modal insan yang berkualiti amatlah signifikan dalam mengubah kehidupan sesebuah keluarga khususnya masyarakat luar bandar. Sebagaimana maklum, peningkatan tahap pendidikan ahli keluarga akan secara langsung meningkatkan taraf sosio-ekonomi sesebuah keluarga melalui pendapatan yang lebih tinggi.
5. Oleh itu, baru-baru ini pada 22 Ogos 2016 yang lalu, saya telah melancarkan **“Program Transformasi Tabika KEMAS Berprestasi Tinggi (TBT) Sebagai Pilihan Utama Ibubapa”** di Paroi, Negeri Sembilan. Di bawah program transformasi tersebut terdapat dua(2) perkara utama yang akan dilaksanakan iaitu:
  - i. Menambahbaik silibus pembelajaran bagi meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak iaitu memberi nilai tambah kepada Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK) sedia ada; dan
  - ii. Menaiktaraf prasarana premis Tabika KEMAS bagi meningkatkan kualiti dan keselamatan persekitaran pembelajaran.
6. Oleh yang demikian, program pada hari ini adalah berkait rapat dengan inisiatif pembaikan prasarana Tabika KEMAS bagi menyediakan suasana yang lebih selamat, selesa dan sejahtera kepada anak-anak kita.

### **B) LATAR BELAKANG INISIATIF CSR PEMBAIKAN TABIKA KEMAS**

7. Saya dimaklumkan terdapat 11,188 kelas tabika KEMAS di seluruh negara. Namun demikian terdapat hampir 600 kelas tabika yang memerlukan kerja-kerja pembaikan kecil seperti pendawaian semula elektrik, pembaikan bumbung dan siling, pemasangan pagar dan sebagainya. Sebagai permulaan, pihak KEMAS telah mengenalpasti 100 kelas tabika KEMAS di seluruh negara yang perlu dibaiki segera.

8. Memandangkan peruntukan KEMAS tidak mencukupi untuk menampung sepenuhnya kos pembaikan tersebut, Kementerian telah mempelawa anak-anak syarikat milik Kementerian dan agensi serta GLC untuk turut sama menghulurkan dana sumbangan bagi tujuan berkenaan.

Hadirin sekalian,

**C) JUMLAH SUMBANGAN CSR**

9. Saya dimaklumkan sehingga kini pihak Kementerian telah menerima sumbangan berjumlah **RM2.46 juta** iaitu sebanyak **RM1.64 juta** dari anak-anak syarikat milikan Kementerian dan Agensi, manakala **RM820 ribu** daripada 8 GLC dengan kepelbagaian bidang perniagaan seperti perbankan, pelaburan, logistik dan perkhidmatan. Saya yakin dan percaya sumbangan ini akan dibelanjakan secara berhemah supaya memberi impak yang tinggi terhadap program yang telah direncanakan ini.

**D) PELAKSANAAN INISIATIF**

10. Oleh yang demikian, program ini akan dilaksanakan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) menggunakan kaedah perbelanjaan optimum. Dalam hubungan ini, kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan menggunakan khidmat dalaman pelatih Giat MARA dengan tempoh penyediaan yang singkat (*rapid execution*), manakala KEMAS pula akan membantu kelancaran inisiatif ini.

11. Dalam hubungan ini, saya juga mencadangkan supaya skop inisiatif ini boleh diperluaskan kepada penambahbaikan bahan dan peralatan pengajaran seperti "*interactive whiteboard*", komputer dan sebagainya .

**E) IMPAK INISIATIF**

12. Saya percaya impak kepada inisiatif ini begitu besar dan bermakna khususnya kepada anak-anak, ibubapa, guru-guru dan masyarakat setempat amnya. Saya pasti anak-anak kita akan merasa lebih berminat, bersemangat dan seronok untuk hadir ke kelas serta dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

13. Bagi ibubapa pula, mereka akan meletakkan kepercayaan dan berasa yakin dengan keselamatan anak-anak mereka ketika berada di premis tabika. Manakala bagi guru-guru pula, mereka akan lebih bermotivasi untuk terus membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

14. Kesemua faktor di atas akan memacu Tabika KEMAS Berprestasi Tinggi Sebagai Pilihan Utama Ibubapa dalam menentukan landasan pendidikan awal anak-anak mereka. Ini juga selari dengan aspirasi transformasi Kementerian untuk “Membandarkan Luar Bandar” di bawah inisiatif kecemerlangan modal insan luar bandar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

#### **F) PELAKSANAAN INISIATIF DI KAMPUNG GUAR, MANONG, PERAK**

15. Pada hari ini, pihak Kementerian berbesar hati untuk memilih Tabika KEMAS Kg. Guar, Manong, Kuala Kangsar sebagai lokasi pelancaran dan perasmian. Insya Allah inisiatif CSR ini akan diperluaskan ke tabika-tabika KEMAS yang telah dikenalpasti di seluruh negara berdasarkan keutamaan pelaksanaan.

16. Inisiatif ini julung kali dilaksanakan dan usaha murni oleh anak-anak syarikat milik agensi dan GLC ini sepatutnya diberikan pujian dan dicontohi oleh syarikat-syarikat lain. Ini menunjukkan bahawa mereka juga prihatin terhadap kemajuan pendidikan anak-anak kita di luar bandar khususnya di peringkat pendidikan awal.

#### **G) PENUTUP**

17. Saya dengan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ketua-ketua agensi, dan GLC-GLC atas sumbangan CSR yang amat signifikan tersebut.

18. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang bagi menjayakan inisiatif ini. Semoga segala usaha yang telah dilakukan akan mencapai objektif yang dirancang.

19. Sehubungan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **“INISIATIF CSR PEMBAIKAN TABIKA KEMAS OLEH ANAK SYARIKAT MILIKAN KEMENTERIAN DAN AGENSI DI BAWAH KKLW SERTA GLC”**.

20. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.